

Rujukan Kami : USM. 10/4/1 JLD. III

Tarikh : 12 Ogos 2024

**Kepada : Semua Staf Kumpulan Pengurusan & Profesional (bukan akademik)  
dan Kumpulan Pelaksana  
Universiti Sains Malaysia**

**Bangunan Canselori  
(Chancellory Building)**  
11800 USM  
Pulau Pinang, Malaysia  
Tel: 04-6533888  
[www.usm.my](http://www.usm.my)

**HEBAHAN PENDAFTAR BIL. 59/2024  
- PENCALONAN ANUGERAH PENTADBIR SANJUNGAN 2023**

Sukacita dimaklumkan bahawa Universiti Sains Malaysia (USM) telah memperkenalkan Anugerah Pentadbir Sanjungan pada setiap tahun bagi memberi pengiktirafan dan sanjungan kepada warga USM yang telah menunjukkan kesanjungan, kecemerlangan terhadap bidang pengurusan dan pentadbiran, sumbangan penghasilan tugas melalui kreativiti dan inovasi serta mempunyai ciri-ciri kepimpinan yang dinamik.

2. Untuk makluman tuan/puan, Anugerah Pentadbir Sanjungan ini terbuka kepada semua staf Kumpulan Pengurusan & Profesional (bukan akademik) dan Kumpulan Pelaksana yang merangkumi semua kumpulan perkhidmatan yang sedia ada di universiti sama ada di peringkat Unit, Bahagian atau Jabatan.

3. Sehubungan dengan ini, dengan penuh takzim pihak universiti ingin mempelawa staf yang berkelayakan dan memenuhi syarat untuk memohon Anugerah Pentadbir Sanjungan 2023 secara sendiri. Pencalonan juga boleh dibuat oleh Ketua Jabatan bagi staf di Pusat Tanggungjawab masing-masing atau staf juga boleh mencalonkan staf lain yang berkelayakan.


4. Permohonan dan pencalonan dibuka secara atas talian dari **12 Ogos 2024 hingga 30 Ogos 2024** di pautan [pentadbirsanjungan.usm.my](http://pentadbirsanjungan.usm.my).

Sekian, terima kasih.

**"MALAYSIA MADANI"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,



**(MOHD AZIZUDIN BIN MOHD SHARIFF)**  
Pendaftar  
Selaku Pengerusi  
Jawatankuasa Pemilihan Anugerah Pentadbir Sanjungan

s.k. Naib Canselor